

1,010 unit Residensi Wilayah, Residensi Prihatin Madani ditawarkan kepada golongan M40, B40

Dikemas kini 17 jam yang lalu · Diterbitkan pada 17 Aug 2023 2:57PM

SEBANYAK 1,010 unit rumah mampu milik, iaitu Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin Madani di Desa Tasik Sungai Besi di Kuala Lumpur, bakal ditawarkan kepada kumpulan sasar M40 dan ke bawah yang belum memiliki kediaman.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan hari ini memaklumkan, pembangunan projek di kawasan seluas 1.4 hektar itu membabitkan 910 unit rumah Residensi Wilayah yang berkeluasan 902 kaki persegi (83.8 meter persegi) dan 908 kaki persegi (84.4 meter persegi) dengan harga jualan RM300,000 seunit.